

JAWATAN KOSONG KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

Permohonan adalah dipelawa daripada Rakyat Negeri Terengganu yang berkelayakan sahaja bagi memohon jawatan berikut:-

1. **JAWATAN** : **PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT**
- Kod Skim : 4LF01
- Jabatan : PELBAGAI JABATAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU
- Klasifikasi Perkhidmatan : PERKHIDMATAN SISTEM MAKLUMAT
- Kumpulan Perkhidmatan : PELAKSANA

2. **JADUAL GAJI** : **GRED FA5**

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM 1,650.00	RM 6,620.00	RM 145.00

3. **SYARAT LANTIKAN :**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

- (i) Sijil Teknologi Maklumat, Sijil Kejuruteraan dalam bidang kejuruteraan Komputer atau Sijil dalam bidang Prosesan Data yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred FA5 : RM1,650.00); atau

- (ii) Diploma Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred FA5 : RM1,731.00).

- (iii) Diplpma Lanjutan Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

(Gaji permulaan ialah pada Gred FA5: RM1,812.00);

- (iv) Diploma Sains Komputer, Diploma Teknologi Maklumat atau Diploma Kejuruteraan dalam bidang Kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred FA5: RM1,974.00

4. **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU :**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia /Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

5. SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN:

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Juruteknik Komputer adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred FA5, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) mempunyai kelayakan di perenggan 3 (b); dan
- (b) had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.